



SEBAHAGIAN mahasiswa pelbagai universiti tempatan menyertai Program Dokumentari Jejak 214 anjuran Sekretariat Rukun Negara Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini. **UM 6.8.2014 26**

Program dokumentari jejaki 214 etnik di Sabah

KOTA KINABALU 5 Ogos - Sermay 65 orang mahasiswa daripada universiti tempatan menyertai Program Dokumentari Jejak 214 anjuran Sekretariat Rukun Negara Universiti Malaysia Sabah (SRNUMS) baru-baru ini.

Menurut penyelaras program, Kim Asbiyallah Shah Akim, pengganjuran program berkenaan bertujuan menjelajahi 214 etnik yang terdapat di negeri ini.

"Salah satu daripadanya ialah etnik Dusun dan Rungus di Kun-

dasang serta Kudat.

"Para penuntut dibahagikan kepada dua kumpulan dan menjadi anak angkat etnik tersebut di Walai Tokou Homestay, Kundasang serta Misompuru Homestay, Kudat," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Kim Asbiyallah, pelbagai aktiviti kemasyarakatan memabitkan masyarakat Dusun dijalankan sepanjang program yang berlangsung selama lima hari itu.

Jelasnya, melalui program

tersebut, para peserta dapat menghayati adat resam dan budaya etnik berkenaan.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, program tersebut selaras dengan objektif penubuhan Sekretariat Rukun Negara di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional (JPNIN).

Ujar beliau, UMS menyokong penuh usaha setiap peserta

bagi menjelajahi suku kaum di negeri ini, khususnya etnik-etnik yang masih belum dikenali masyarakat.

Program selama lima hari itu dianjurkan dengan kerjasama Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI); Universiti Teknologi Petronas (UTP); Universiti Malaysia Kelantan (UMK); Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS); Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah.